



2 Julai 2014
2 July 2014
P.U. (A) 193

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN
*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

PERINTAH PENGANGKUTAN JALAN
(LARANGAN PENGGUNAAN JALAN)
(JALAN PERSEKUTUAN) 2014

*ROAD TRANSPORT (PROHIBITION OF USE OF ROAD)
(FEDERAL ROADS) ORDER 2014*



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PENGANGKUTAN JALAN 1987

**PERINTAH PENGANGKUTAN JALAN (LARANGAN PENGGUNAAN JALAN)
(JALAN PERSEKUTUAN) 2014**

BAHAWASANYA melalui P.U. (B) 219/2014 yang disiarkan pada 15 Mei 2014, notis telah diberikan mengenai niat untuk membuat suatu perintah di bawah subseksyen 70(1) dan (2) Akta Pengangkutan Jalan 1987 [*Akta 333*]:

DAN BAHAWASANYA tiada apa-apa bantahan diterima oleh Menteri Kerja Raya terhadap pembuatan perintah itu:

MAKA OLEH YANG DEMIKIAN, pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 70(1) dan (2) Akta, Menteri Kerja Raya, setelah memberi pertimbangan kepada perkara yang disebut dalam subseksyen 70(2) Akta, membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Pengangkutan Jalan (Larangan Penggunaan Jalan) (Jalan Persekutuan) 2014**.

(2) Perintah ini disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 Jun 2014.

Larangan

2. Pemanduan kenderaan di atas sebahagian jalan yang dinyatakan dalam ruang (1) Jadual Pertama sebagaimana yang ditunjukkan dalam peta dalam Jadual Kedua, melainkan di atas jalan yang dinyatakan dalam ruang (2) Jadual Pertama, bagi tempoh yang dinyatakan dalam ruang (3) Jadual Pertama dilarang.

JADUAL PERTAMA

(1)	(2)	(3)
<i>Jalan yang baginya larangan terpakai</i>	<i>Jalan arah yang dinyatakan</i>	<i>Tempoh larangan</i>
1. Lebuh Raya Utara Selatan Hubungan Tengah (jalan hubungan ke Putrajaya dan Cyberjaya) dari Plaza Tol Putrajaya ke arah Cyberjaya dan Putrajaya dari kilometer P1.85 hingga kilometer P3.0 sebagaimana yang ditunjukkan dalam peta dalam Jadual Kedua	Kenderaan dari Plaza Tol Putrajaya ke Cyberjaya dan Putrajaya hendaklah menggunakan jalan alternatif sebagaimana yang ditunjukkan dalam peta dalam Jadual Kedua	1 Jun 2014 hingga 31 Disember 2014 (tertakluk kepada tarikh sebenar siap kerja membaik pulih)
2. Lebuh Raya Utara Selatan Hubungan Tengah (jalan hubungan ke Putrajaya dan Cyberjaya) dari Cyberjaya dan Putrajaya ke arah Plaza Tol Putrajaya dari kilometer P3.0 hingga kilometer P1.85 sebagaimana yang ditunjukkan dalam peta dalam Jadual Kedua	Kenderaan dari Cyberjaya dan Putrajaya ke Plaza Tol Putrajaya hendaklah menggunakan jalan alternatif sebagaimana yang ditunjukkan dalam peta dalam Jadual Kedua	1 Jun 2014 hingga 31 Disember 2014 (tertakluk kepada tarikh sebenar siap kerja membaik pulih)